

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2017
SOALAN : 46**

**YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan :-**

- a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Bilakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini; dan
- b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan klinik kesihatan lama di bawah RP3, RMK-10. Bilakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, Pada masa ini, perolehan tapak masih dalam peringkat awal. Pihak pemaju telahpun menyerahkan tapak kepada Kerajaan Negeri dan KKM juga telah mengemukakan permohonan pemberimilikan tapak tersebut bagi tujuan pembinaan Hospital Kapar.

- b) Pelaksanaan Projek Klinik Kesihatan Jenis 3 Kapar telah bermula sejak 29 Ogos 2017 dan dijangka siap pada 18 Ogos 2020. Kemajuan pelaksanaan projek semasa adalah 5% selaras dengan jadual pelaksanaan yang telah dirancang.